

Keharmonian sosial dalam konteks sesebuah negara merupakan impian setiap individu dan kerajaan kerana tanpa keharmonian, negara tidak akan mencapai kestabilan dan keutuhan dari aspek politik, ekonomi mahupun sosial. Oleh itu, agama memainkan peranan yang penting bagi mencetus keharmonian negara. Malaysia terdiri daripada tiga agama yang utama iaitu Islam, Buddha, dan Hindu. Pelbagai agama mempunyai nilai dan ajaran sendiri sebagai penunjuk jalan kepada penganut ke arah mencapai keharmonian.

2

Agama pada lazimnya bermakna kepercayaan kepada Tuhan atau sesuatu kuasa yang ghaib dan sakti seperti dewa, dan juga amalan dan institusi yang berkait dengan kepercayaan tersebut. Agama dan kepercayaan merupakan dua perkara yang sangat berkaitan. Agama mempunyai makna yang lebih luas, yakni merujuk kepada satu sistem kepercayaan yang kohesif dan kepercayaan ini sangat berkait rapat dengan aspek ketuhanan.

Agama mempunyai potensi tinggi dan hebat untuk dijadikan harapan dalam mencapai perdamaian dunia yang utuh. Jika ahli politik dan pemimpin dalam tampuk pemerintahan dibesarkan dalam lingkungan agama dan diberikan moral dan pendidikan spiritual yang tepat dalam membentuk watak untuk menanamkan sifat-sifat perikemanusiaan seperti simpati, fungsi sosial, pengertian, toleransi dan berkasih sayang, mereka tidak akan berfikir untuk mengancam dan mengganggu ketenteraman negara lain dan rakyatnya yang tidak bersalah. Kegagalan dalam memberikan pendidikan keagamaan seperti ini kepada para pemimpin akan menjadikan mereka alpa terhadap tanggungjawab yang sepatutnya digalas dengan sebaik mungkin.

Jika agama tidak dapat membawa kedamaian yang cukup bagi dunia sekarang ini, itu semua disebabkan oleh perilaku sebahagian penganutnya yang hanya mementingkan pembangunan spiritual. Tambahan pula, manusia juga perlu menerima bahawa perbezaan adalah pendorong kearah persefahaman dan toleransi. Dengan itu, keamanan negara dapat dikekalkan buat selama-lamanya.

2.0 TAKRIF AGAMA

Nilai beragama sudah tidak asing lagi dalam masyarakat masa ini. Bahkan nilai beragama sudah wujud sejak zaman berzaman dan semakin berkembang apabila munculnya tamadun-tamadun awal dunia. Agama merupakan antara faktor penting yang mempengaruhi pembentukan dan perkembangan sesebuah tamadun. Hampir semua masyarakat bertamadun dipengaruhi oleh pandangan atau pernah melalui proses orientasi agama atau kepercayaan dalam sejarah pembentukan dan perkembangan peradaban mereka.

Evolusi sosial mengubah orientasi dan suatu pegangan kepada agama, yang mengakibatkan pemisahan agama daripada pemerintahan seperti yang berlaku dalam sejarah tamadun Barat dan Islam pada suatu masa dahulu. Namun begitu, hal ini tidak meniadakan kewujudan dan peranan agama dalam membentuk nilai positif dalam sesebuah masyarakat hingga kini. Nilai agama masih terus dapat bertahan dan memainkan peranan penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat walaupun wujudnya pemikiran sekular seperti yang berlaku di negara Barat.

Konsep agama adalah pelbagai dan mempunyai ruang lingkup yang sangat luas. Agama dapat ditakrifkan sebagai suatu sistem kehidupan yang khusus menghubungkan antara manusia dan Tuhan di mana terangkum di dalamnya aspek-aspek kepercayaan, peribadatan dan tatacara kehidupan. Dari segi bahasa, agama berasal daripada bahasa Sanskrit yang terdiri daripada dua suku kata iaitu “A” yang bermaksud cara (way) dan “Gama” yang bermaksud jalan. Cantuman antara kedua-dua suku kata ini memberi pengertian agama sebagai cara-cara berjalan atau cara-

dalam memandu kehidupan manusia. Islam perlu dijadikan panduan dalam seluruh aspek kehidupan. Agama Islam mengandungi pelbagai elemen positif yang dapat membantu mencetus keharmonian kaum di Malaysia.

Dari segi hubungan sosial, Islam meletakkan asas-asas kukuh dalam pergaulan hidup manusia seharian. Batasan-batasan pergaulan antara lelaki dengan perempuan telah digariskan oleh Islam agar manusia tidak melakukan dosa dan melanggar syariat hukum yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T..

Pergaulan hidup yang dipengaruhi oleh budaya dan cara hidup Barat yang bertentangan dengan Islam seperti cara berpakaian, cara bercakap, adab, tingkahlaku, dan seumpamanya akan mengganggu keharmonian kaum di negara kita. Generasi kita hari ini semakin terpengaruh dengan cara hidup barat yang liar yang tidak diharuskan oleh Islam.

Masalah sosial seperti perlihan zina, bohsia, budaya lepak dalam kalangan remaja, pembuangan bayi, gejala dadah, arak, judi dan sebagainya adalah berpunca daripada sikap tidak ingin menjadikan Islam sebagai cara hidup serta tiada bimbingan yang kukuh mengikut cara hidup Islam. Sekiranya gejala ini berterusan sudah tentunya keharmonian antara kaum tidak dapat dicapai. Jelaslah bahawa Islam sangat menjaga batas-batas pergaulan demi memastikan keharmonian dalam sesebuah masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama dapat diraih.

Selain itu, agama Islam mengatur hidup manusia dengan penuh bijaksana dan penuh keadilan. Islam mengajar manusia nilai-nilai mulia, mengharamkan penindasan, mengharamkan maksiat dan perlakuan syirik kepada Allah S.W.T, menyarankan hidup bersatu padu, tolong menolong dan mewujudkan masyarakat yang harmoni.

“Islam menggalakkan umatnya berakhlak dalam segala keadaan yang merupakan sikap murni dan akhlak mulia dalam keadaan biasa dan aman. Islam juga melindungi hak semua golongan walaupun dalam peperangan.”

(Utusan Malaysia, 2013).

Selain hubungan manusia dengan Allah S.W.T, Islam juga menggariskan peraturan hidup sesama manusia dalam rumahtangga, masyarakat dan negara. Islam bukan agama individu atau sekumpulan manusia. Untuk sesama manusia Islam mewujudkan sistem hidup yang praktikal di mana Islam meminta umatnya mengenali antara satu dengan yang lain, mengeratkan hubungan silaturrahim, dan melahirkan kasih sayang. Contoh yang paling jelas ialah amalan hidup berjiran yang sangat digalakkan dalam Islam. Amalan kejiranan yang sempurna memupuk semangat kebersamaan, persefahaman dan keharmonian. Tuntutan ini menunjukkan Islam amat menitikberatkan soal kejiranan dalam kehidupan bagi menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat.

8

Memuliakan jiran tetangga tidak hanya terbatas kepada jiran sesama muslim sahaja. Bahkan kita dituntut untuk menghormati dan mengasihi jiran yang tidak sama agama dengan kita. Sesebuah keluarga mempunyai kewajiban tertentu yang perlu ditunaikan terhadap jirannya. Melalui cara inilah keharmonian kaum di negara kita dapat dicapai.

Tambahan lagi, Islam menentang dan menentang segala bentuk keganasan dan kezaliman. Konsep keamanan Islam merangkumi segenap lapisan penduduk dunia tanpa mengira bangsa dan agama. Kesabaran dan kematangan fikiran penganutnya membuktikan kekuatan iman, kerendahan hati dan diri yang seterusnya memancarkan kemuliaan. Islam sering didakwa dan dikaitkan dengan keganasan. Dakwaan dan tohmahan ini timbul kerana perilaku segelintir individu Muslim yang terlibat dalam melakukan keganasan. Islam melarang keras keganasan dan kezaliman antara manusia tanpa mengira kaum dan bangsa. Hal ini demikian kerana sekiranya berlaku keganasan dalam sesebuah negara, nescaya perpaduan dan keharmonian kaum di negara itu akan terjejas.

“Kajian membuktikan sejak dahulu lagi kesejahteraan Islam bererti kesejahteraan ummah iaitu setiap umat Islam wajib memastikan bahawa dirinya mahupun orang lain dalam keadaan sejahtera.”

(Utusan Malaysia,2013).